

# Festival Gasing UPM 2013

Meneruskan legasi permainan tradisional dengan inovasi baharu gasing polimer

Oleh **NOOR DIANA AZIS**  
Gambar: **DJOHAN SHARIN SHAH**

**M**ALAYSIA sememangnya kaya dengan pelbagai jenis permainan tradisional rakyat seperti congkak, sepak raga dan wau malah setiap negeri mempunyai corak serta peraturan pengendalian yang tersendiri.

Salah satu permainan tradisional yang dahulunya amat terkenal dalam kalangan datuk dan nenek kita namun masih menjadi ikutan dan trend bagi sesetengah golongan remaja masa kini ialah gasing.

Justeru tidak hairanlah gasing masih mendapat perhatian segelintir kumpulan dan persatuan yang masih meneruskan legasi permainan tradisional tersebut agar tidak luput ditelan zaman.

Seperi diketahui umum, terdapat pelbagai jenis gasing yang wujud mengikut negeri antaranya Pahang yang terkenal dengan permainan gasing kuno, Johor dengan gasing tala, Kelantan pula terkenal dengan gasing uri sementara Sabah dan Sarawak dikenali dengan gasing Borneo.

Dalam usaha membangkitkan rasa kecutinan terhadap permainan tradisional

ini, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dengan kerjasama Persatuan Gasing Malaysia (Pegama) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan Festival Gasing 2013 baru-baru ini.

Festival yang diadakan ini merupakan manifestasi lanjutan ke arah pembangunan permainan gasing tradisi di samping memperkenalkan penggunaan

gasing polimer hasil daripada penyelidikan Fakulti Kejuruteraan UPM.

Selain itu, festival tersebut juga bertujuan untuk memupuk dan mengengahkan permainan sukan rakyat kepada mahasiswa UPM amnya di samping menjadi platform dalam memperkenalkan gasing polimer hasil penyelidikan dan pembuatan Prof. Dr. Shamsuddin Sulaiman Fakulti Kejuruteraan UPM.

Festival yang julung kali diadakan itu berjaya menarik minat lebih 78 orang pemain yang mewakili 13 pasukan dari seluruh negara, termasuk UPM dan iMalaysia.

Berkongsi mengenai penyelidikan gasing polimer, Dr. Shamsuddin Sulaiman yang merupakan pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan UPM memulakan



**DR SHAMSUDDIN SULAIMAN**



**AUTARA** (bambai) gasing yang merupakan bahagian penting Festival Gasing di UPM baru-baru ini.



**PELAJAR** Kolej Vokasional Shah Alam, Syakilla Suffiya Mohd Firdaus (kiri) bersama rakannya Nadia Hidayat Roslizam mencuba bermain gasing piastik pada Festival Gasing baru-baru ini.

kejaniannya pada Februari 2008 ketika menghadiri pertandingan gasing yang diadakan di Permatiloh, Pahang.

"Saya mendapati permintaan terhadap gasing kayu memang tinggi namun jumlahnya tidak banyak di pasaran kerana pengaruh harga yang mahal.

Justeru saya bersama seorang tokoh gasing iaitu Mohd. Jais Rozali membuat perbincangan dan mencari idea bagaimana untuk menghasilkan gasing yang jauh lebih murah dan selamat untuk digunakan oleh semua lapisan masyarakat," katanya ketika ditemui pada Festival Gasing di UPM baru-baru ini.

Tambahnya, selepas setahun melakukakan penyelidikan serta perbincangan bersama Mohd. Jais atau lebih mesra dipanggil Pak Ngah, mereka mendapati idea untuk menghasilkan gasing daripada polimer sekali gus merangkumi pengurangan kos dan jauh lebih selamat untuk digunakan.

Pada permulaan penyelidikan, Dr. Shamsuddin bersama tiga pelajar dari Fakulti Kejuruteraan UPM mencipta 30 biji gasing polimer yang mengikut spesifikasi daripada PEGAMA dan diadear ke beberapa buah sekolah sekitar Pahang untuk dijadikan sebagai 'pilot test'.

Melihat kepada kejayaan gasing polimer percubahan tersebut maka pada April lalu, Fakulti Kejuruteraan UPM mencipta acuan gasing polimer bagi memudahkan penghasilan

sejajar dengan permintaan terhadapnya yang semakin meningkat.

"Maka pada 26 April lalu, sebanyak 1,500 biji gasing polimer telah dihasilkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan Pegama seterusnya diadear ke 50 buah sekolah seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

"Penghasilan gasing polimer ini mempunyai banyak kelebihan berbanding gasing tradisional dari segi ketahanan yang tidak mudah pecah, mudah dibawa kerana ringan selain selamat digunakan terutama oleh remaja dan kanak-kanak.

"Di samping itu, gasing ini juga mampu mengelakkan pergantungan berterusan kepada pokok dan kos gasing polimer juga



**FEMINAT** gasing, Saeful Basri (kanan) bersama rakan-rakannya menunjukkan cara mengikat tali pada gasing polimer.



## Permainan gasing wajar diwarisi

GASING plastik yang digunakan itu ditemui menerusi program Jejak Inovasi anjuran Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) beberapa tahun lepas.

Yang unikunya, penciptaan gasing plastik itu dapat meneruskan legasi permainan tradisional tersebut yang berdepan masalah kepupusan ekoran pergantungan kepada penggunaan kayu.

Hasil kerjasama dengan Fakulti Kejuruteraan UPM, maka terciptalah gasing plastik yang lebih selamat, mesra alam, tahan sehingga tiga tahun dan boleh dihasilkan lebih mudah.



**MOHD JAIS ROZALI**

Pemain gasing, Mohd Jais Rozali yang menubuhkan Kelab Gasing Sanggang di Temerloh, Pahang, bukan sahaja komited meneruskan permainan tersebut dengan inovasi baharu tetapi berjaya memberi nilai tambah dengan kejayaan mencipta mesin pintal tali dengan barangan terpakai seperti gear, tali sawat, motor dan roda.

Mesin berkenaan dicipta dengan keupayaan menghasilkan 40 utas tali dalam tempoh sehari dengan seorang tenaga kerja berbanding tiga orang dalam jangka masa lebih lama.

Mohd Jais berkata, beliau begitu sayangkan permainan tradisional tersebut dan mahu golongan muda mewarisinya.

Katanya, pengenalan gasing polimer memberi harapan baharu kepada peminat permainan ini yang sebelum ini bimbang akan kepupusan kerana terus bergantung kepada kayu.

SYAKILLA Suffiya Mohd. Firdaus menunjukkan kemahirannya mengimbangi gasing polimer di telapak tangan.



### Info permainan gasing

- Melibatkan individu, beregu atau berempat bagi satu kumpulan.
- Secara amnya, cara bermain gasing yang dipraktikkan dalam pertandingan ialah satu kumpulan akan memusingkan gasing dan kumpulan lawan akan memangkahnya.
- Jika gasing berjaya dipangkah oleh pasukan lawan, satu mata akan diberikan.

jauh lebih murah berbanding gasing kayu tradisional," ujarnya.

Ber cerita lanjut mengenai kelebihan gasing polimer ini, menurut pensyarah yang telah berkhidmat di UPM selama 21 tahun itu, alat permainan tradisional tersebut boleh di kitar semula sekali gus menepati konsep kerajaan kini yang mementingkan bahan mesra alam.

Diperbuat daripada bahan gentian semula jadi serta plastik yang boleh di kitar semula, gasing ini juga mudah disimpan kerana tidak dipengaruhi oleh keadaan cuaca mahupun suhu.

Berbanding gasing kayu tradisional yang perlu disimpan di dalam persekitaran dingin dan sejuk, gasing polimer tidak memerlukan penjagaan rapi kerana permukaan serta ketahanannya tidak dipengaruhi oleh persekitaran.

Tidak menolak kemungkinan terdapat gasing polimer yang mudah pecah, Dr. Shamsudin menjelaskan perkara tersebut

akan berlaku sekiranya kepadatan kandungan polimer dalam acuan gasing tidak sepenuhnya memenuhi ruang kosong yang ada di dalamnya.

"Oleh kerana kita menggunakan mesin acuan sebagai teras pembuatan gasing, kemungkinan terdapat acuan polimer yang tidak memenuhi kesemua ruang angin yang terdapat di dalam gasing.

"Justeru mana-mana sekolah yang mempunyai gasing mudah pecah, boleh dihantar semula kepada pihak kami bagi digantikan dengan yang baru," jelasnya.

Ketika ditanya mengenai kos pembuatan sebiji gasing polimer, Dr. Shamsudin memberitahu kos yang diperlukan hanyalah dalam lingkungan RM6.50, tidak termasuk kos upah.

Justeru katanya, sasaran jualan untuk sebiji gasing polimer seberat 500 gram tidak akan melebihi RM10 bagi setiap satu apabila ia dikomersialkan secara meluas kelak.

Menyentuh mengenai Festival Gasing yang berlangsung baru-baru ini, Dr. Shamsudin menjelaskan, peserta hanya perlu membawa tali sahaja kerana penganjur yang menyediakan kelengkapan pertandingan.

Peraturan tersebut diadakan bertujuan untuk melihat serta meneliti bakat serta kemahiran peserta yang menyertainya.

"Dalam usaha memupuk minat generasi muda terhadap permainan gasing, maka wujudlah inisiatif menghasilkan gasing polimer khusus untuk pelajar sekolah agar mereka dapat mengasah kemahiran bermain gasing sebelum melibatkan diri dalam pertandingan yang lebih tinggi di samping meneruskan legasi permainan tradisional ini untuk masa akan datang," ujarnya di akhir perbualan.

### Kelebihan gasing polimer

- Lebih kuat berbanding gasing kayu.
- Tidak mudah pecah.
- Lebih ringan berbanding gasing kayu.
- Selamat digunakan terutama oleh remaja dan kanak-kanak.
- Kos gasing polimer lebih murah.

SEBIJI gasing yang diperbuat daripada polimer hanya seberat 500 gram.



MOHD. Jais menunjukkan cara yang betul untuk mengikat dan memainkan permainan gasing.